

KEMERDEKAAN HAKIKI

30 OGOS 2024 | 25 SAFAR 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَآيَايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan diredai Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Salah satu nikmat yang diberikan oleh Allah Ta'ala kepada manusia ialah nikmat kemerdekaan. Islam melihat kemerdekaan atau kebebasan sebagai suatu keperluan asasi bagi setiap manusia. Kemerdekaan yang sebenar bagi seorang muslim ialah apabila dia bebas menjadikan seluruh kehidupannya semata-mata untuk mentaati Allah Ta'ala. Firman Allah Ta'ala dalam surah al-An'am ayat 162 hingga 163:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٦٢﴾ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَبِذَلِكَ
أُمِرْتُ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ ﴿١٦٣﴾

Yang bermaksud: “Katakanlah: Sesungguhnya solatku, ibadahku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. Tiada sekutu bagi-Nya dan itulah yang diperintahkan kepadaku dan aku adalah orang yang terawal menyerahkan diri (kepada Allah).”

Sidang Jumaat yang dikasihi

Kita tidak menafikan bahawa secara fizikalnya negara atau tanah air kita telah merdeka dan bebas daripada belunggu penjajah. Kita mampu mentadbir negara mengikut acuan dan kehendak sendiri tanpa dipengaruhi oleh orang lain atau kuasa luar. Namun sedarkah kita bahawa serangan penjajahan masih belum berakhir tetapi hanya berubah bentuk dan sifatnya. Kini muncul pula penjajahan dalam bentuk baru yang lebih berbahaya. Penjajahan yang bertopengkan dasar kesamarataan yang cuba menjajah minda dan budaya masyarakat. Budaya dan adat resam masyarakat negara kita yang berasaskan Islam sebagai agama persekutuan diancam melalui penjajahan budaya global yang berteraskan hiburan melampau atau kehidupan bebas. Cara berfikir, bertutur, berpakaian, makan minum, bersukan malah dalam soal pendidikan juga ingin dicorakkan mengikut ideologi dan pemikiran sekular. Pemikiran masyarakat kita juga turut dirosakkan dengan menanamkan rasa rendah diri jika mengamalkan budaya dan nilai Islam. Bahasa Melayu juga turut dinodai dengan menonjolkan

kehebatan bahasa asing dan menimbulkan rasa malu apabila bertutur dalam bahasa ibunda sendiri.

Sidang Jumaat yang berbahagia

Ideologi dan budaya sekular juga turut mencanangkan bahawa kebebasan individu adalah hak mutlak setiap orang dan tidak terikat dengan undang-undang atau hukum agama. Seseorang itu bebas berbuat apa sahaja selagi tidak mengganggu hak orang lain. Pembinaan sebuah masjid liberal di Berlin Jerman pada tahun 2022 yang membenarkan sesiapa sahaja untuk hadir solat di situ tanpa mengira agama bangsa dan negara, membenarkan jemaah yang hadir solat diimami oleh imam lelaki atau perempuan malah boleh diimami oleh dua orang imam lelaki dan perempuan secara serentak. Jemaah yang menunaikan solat, boleh mendirikannya sama ada ingin menutup aurat atau pun tidak. Masjid ini dibina atas dakwaan kebebasan hak asasi manusia.

Melalui ideologi sekular tersebut, mereka cuba mempengaruhi kita agar mengamalkan cara hidup jahiliyyah dalam bentuk moden. Umat Islam yang merdeka adalah umat yang mengenal jahiliyyah silam dan moden, untuk menjadikannya sebagai neraca pertimbangan kehidupan. Saidina Umar al-Khattab Radiallahu Anhu telah mengingatkan kita tentang jahiliyyah dengan kata-katanya:

إِنَّمَا تَنْقُضُ عُرَى الْإِسْلَامِ عُرْوَةَ عُرْوَةَ إِذَا نَشَأَ فِي الْإِسْلَامِ مَنْ لَمْ يَعْرِفِ الْجَاهِلِيَّةَ

Yang bermaksud: *“Sesungguhnya akan terurai ikatan Islam satu persatu apabila terdapatnya orang yang hidup dalam Islam tetapi tidak mengenal Jahiliyyah.”*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu Wa Taaala

Oleh yang demikian, kemerdekaan yang sebenarnya bagi individu dan masyarakat Muslim adalah apabila mereka dapat membebaskan diri daripada cengkaman hawa nafsu, pemikiran-pemikiran negatif dan songsang, yang beranggapan agama Islam seolah-olah agama yang kolot dan ketinggalan zaman, agama yang tidak membawa kemajuan atau dikatakan agama yang jumud dan ekstremis.

Dalam konteks pembangunan ekonomi negara sebagai sebuah negara yang merdeka pula, pemimpin dan rakyat sewajarnya memiliki keupayaan sendiri dan tidak hanya bergantung kepada tenaga asing yang secara tidak langsung menyumbang kepada pelbagai masalah sosial dalam negara. Negara kita mestilah mempunyai tenaga kerja yang berkemahiran, berintegriti dan sanggup berjihad dalam membangunkan negara. Negara boleh terjajah tanpa disedari jika rakyatnya tidak berupaya menjadi peneraju utama dalam sektor pembangunan ekonomi.

Manakala sebuah negara Islam yang merdeka ialah negara yang menjadikan syariat Islam sebagai panduan dari segenap segi. Para pemimpin pada setiap peringkat adalah golongan yang diberikan amanah untuk mendaulat dan membela agama Islam serta kebajikan orang di bawahnya.

Firman Allah SWT dalam surah Al-Haj ayat 41

Yang bermaksud: *“Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan solat serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang daripada melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan”*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu Wa Ta’ala

Kesimpulannya, marilah kita bersama-sama menjadikan sambutan kemerdekaan sebagai titik tolak untuk kita merdeka secara hakiki. Berhati-hatilah dengan penjajahan bentuk baharu iaitu penjajahan pemikiran, cara hidup, budaya, ekonomi, politik selain dari penjajahan fizikal. Isilah kemerdekaan ini dengan mempertingkatkan ilmu pengetahuan, memperkukuhkan ekonomi dan menyemai rasa kasih sayang terhadap tanah air dalam kalangan rakyat agar sentiasa sanggup menjaga dan mempertahankannya, di samping mengamalkan segala tuntutan dan ajaran Islam dalam diri, keluarga dan masyarakat. Pertahankanlah tampuk kepimpinan negara kita supaya sentiasa dipimpin oleh pemimpin yang amanah, beriman dan bertakwa, kerana kepimpinan yang berasaskan ketakwaan sahajalah yang akan menjaga kemerdekaan yang hakiki.

Marilah kita bersyukur di atas nikmat kemerdekaan dan semoga Allah Ta’ala mengampunkan dan mengurniakan ganjaran kepada para pemimpin dan pejuang-pejuang kemerdekaan negara. Begitu juga kita mendoakan semoga saudara-saudara kita di Palestin akan mengecapi nikmat kemerdekaan pada suatu hari nanti.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَاطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنَازَعُوا فَتَفْشَلُوا وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ^ط وَأَصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ
الصَّابِرِينَ

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ
لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.